

19 JAN 2003

NAM-MBM

MBM MAHU SIDANG KEMUNCAK NAM CARL PENYELESAIAN ISU PALESTIN

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) mahukan isu keganasan Israel di Palestin menjadi agenda utama Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali ke-13 (NAM) yang akan diadakan di Kuala Lumpur bulan hadapan.

Setiausaha Agungnya, Norizan Sharif berkata Malaysia mampu memberikan kepimpinan dalam isu ini pada sidang berkenaan bagi menentukan jenayah perang dan penggunaan senjata pemusnah berat oleh Israel dapat dihentikan.

Beliau berkata sebagai sebuah persidangan terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, MBM berpendapat NAM adalah wadah untuk mencari penyelesaian antarabangsa terhadap isu ini.

"Sekiranya NAM gagal mencari penyelesaian kepada isu ini, MBM berpendapat tidak ada lagi wadah antarabangsa yang berwibawa yang boleh membantu rakyat Palestin mendapat keadilan dan keamanan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya MBM melihat seolah-olah ada konspirasi di kalangan media antarabangsa dengan memberikan tumpuan kepada isu kemungkinan serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq, sekaligus meminggirkan isu Palestin.

Norizan berkata apabila isu ini dipinggirkan, Israel akan berterusan melakukan kekejaman ke atas rakyat Palestin tanpa sebarang pembelaan masyarakat dunia.

Beliau berkata MBM percaya ketokohan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang adil, tegas dan berwibawa dapat meyakinkan negara-negara berkecuali untuk bersama-sama mencari penyelesaian dan menamatkan kekejaman Israel di bumi Palestin.

Katanya MBM kesal kerana rakyat Palestin terus menjadi mangsa kekejaman Israel dan keganasan ini mendapat perlindungan kuasa-kuasa besar dunia yang tidak berperikemanusiaan.

"Sejak September 2000 hingga Januari 2003, seramai 2,151 rakyat Palestin telah dibunuh dengan kejam dan lebih 41,000 orang cedera parah. Daripada jumlah ini, 192 dibunuh melalui serangan dan ini bertentangan dengan Konvensyen Geneva dan dianggap sebagai jenayah perang," katanya.

Beliau berkata penggunaan senjata pemusnah berat masih berleluasa dan daripada jumlah keseluruhan pembunuhan itu, 449 orang dibunuh menggunakan senjata berat.

Untuk berita-berita berkaitan NAM, sila layari www.nam2003.com

-- BERNAMA

CL AZH ROS